

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 26

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian ada bercadang untuk menambahbaik atau mengkaji semula "*Standard Operating Procedure (SOP)*" atau peraturan di setiap sekolah yang terjejas teruk dengan suatu pencemaran dan adakah guru serta pelajar di kawasan yang berisiko tinggi telah dipersiapkan dengan latihan khusus bagi menghadapi kebarangkalian berlaku pencemaran atau apa-apa bencana.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil berat akan isu pencemaran atau bencana yang menjejaskan kesihatan dan keselamatan murid dan guru di sekolah. KPM telah mengeluarkan surat pekeliling ikhtisas dan surat siaran sebagai panduan persediaan menghadapi pencemaran atau bencana seperti berikut:

1. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 21/1998 'Persediaan Menghadapi Bencana Alam';
2. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2009 'Penubuhan Jawatankuasa Bencana di Peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan Sekolah';
3. Surat Siaran KPM Bilangan 1 Tahun 2019 'Langkah-langkah KPM bagi Menjamin Kesihatan dan Keselamatan Murid-murid di Sekolah-sekolah yang Berada dalam Kawasan Berjerebu yang Dianggap Kritikal'; dan
4. Surat Siaran KPM Bilangan 8 Tahun Tahun 2016 'Garis Panduan Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran Akibat Bencana'.

Berkaitan dengan latihan menghadapi bencana, KPM melalui Jawatankuasa Bencana di Peringkat Sekolah mengadakan latihan kesiapsiagaan sebagaimana dinyatakan dalam Surat Makluman Pengurusan Menghadapi Bencana Sekolah bertarikh 25 Jun 2015. KPM juga telah mengeluarkan Buku Panduan Konsep dan Manual Sekolah Selamat sebagai panduan kepada pihak pengurusan sekolah dan guru bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan murid terpelihara.

KPM bersedia untuk bekerjasama dengan mana-mana agensi yang berkaitan dan sentiasa terbuka terhadap sebarang cadangan untuk menilai dan menambah baik SOP sedia ada.

Sekian, terima kasih.